



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2018/11/68 (HQ)

TNB ANJUR PERSIDANGAN UNTUK MENDUKUNG PEMERKASAAN WANITA DALAM PERNIAGAAN

Mendukung usaha kerajaan memperkasakan golongan wanita dengan kemahiran dan kompetensi melalui aktiviti perniagaan, Tenaga Nasional Berhad (TNB), menerusi Persatuan Wanita TNB (PELITAWANIS TNB) menganjur persidangan tiga hari untuk menyuntik minda keusahawanan dalam kalangan warga wanita syarikat itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail, merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini merasmikan persidangan yang dihadiri 120 warga kerja terdiri daripada warga kerja wanita TNB yang akan bersara, pesara wanita TNB serta isteri dan balu kakitangan TNB.

Persidangan dengan tema “Mempelopori Dunia Keusahawanan” itu antara lain menampilkan ikon-ikon keusahawanan dan personaliti terkenal wanita yang akan berkongsi pengalaman, tip dan saranan selain memberi bimbingan menjadi usahawan wanita berjaya.

Antaranya, Pengasas Telekung Siti Khadijah, Padzilah Enda Sulaiman; Pengarah Fareeda Resources Sdn Bhd, Mawar Abdul Karim; Pengasas SURI, Salena Ahmad; CEO Fasyeera Empire, Nur Bashirah Hussin, selebriti dan usahawan, Zarina Zainuddin dan perunding imej, Wawa Idris.

Dr. Wan Azizah dalam ucapannya menyifatkan penganjuran persidangan ini sebagai platform yang baik bagi menyuntik minda dan melahirkan usahawan wanita sebagai pelapis kepada kepimpinan keusahawanan pada masa hadapan.

“Ia juga dapat mencipta peluang pekerjaan dan perniagaan yang seterusnya merubah sosio-ekonomi khususnya bagi warga kerja yang akan bersara, balu-balu TNB dan seterusnya melakar kejayaan buat kaum wanita TNB,” katanya.

Yang DiPertua Pelitawanis TNB Kebangsaan, Datin Seri Noor Afizah Ahmad Noor pula berkata persidangan itu dianjurkan selaras dengan aspirasi TNB yang sentiasa berusaha

S.A. 2018/11/68 (HQ)

memperkasakan wanita dalam pelbagai bidang, dari aspek teknikal hingga ke peringkat pengurusan.

“Mungkin selepas ini akan lahir usahawan baharu yang berjaya dalam bidang tokoh-tokoh yang kami jemput, atau dalam bidang-bidang perniagaan yang lain. Insya Allah, ia akan dapat sedikit sebanyak menyemarakkan lagi ekonomi negara,” ujarnya.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 15 November 2018, jam 12.30 tengah hari

*Sebarang pertanyaan media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my*